

# 1,908 siswa baru daftar di USIM

**S**ERAMAI 1,908 mahasiswa baru Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mendaftar diri mengikuti pengajian ijazah sarjana muda di universiti itu, baru-baru ini.

Mereka terdiri daripada 555 mahasiswa lelaki dan 1,353 perempuan sekaligus mencipta kepada peningkatan pengambilan

jumlah mahasiswa baru USIM kepada 84.8 peratus.

Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr Muhamad Muda berkata, peningkatan itu membuktikan USIM mendapat kepercayaan masyarakat dalam melahirkan pelajar cemerlang.

"Ini satu pencapaian membanggakan dan berharap nama USIM terus

menjadi pilihan mahasiswa pada masa akan datang setara dengan institusi pengajian tinggi awam lain.

"Kepercayaan ini melonjakkan lagi semangat USIM menawarkan pelbagai program menarik dan kompetitif dalam pasaran kerjaya.

"Mahasiswa baru perlu memanfaatkan peluang ini untuk terus menjana

kejayaan dan mengapai impian," katanya ketika majlis Ikrar mahasiswa baru USIM di Stadium Tertutup Nilai, baru-baru ini.

Buat julung kalinya, USIM menerima 28 mahasiswa pertama yang akan melanjutkan pengajian program Ijazah Sarjana Muda Sains Seni Bina dengan kepujian.



**LANGKAH PERTAMA...** mahasiswa baru USIM beruja untuk mengangkat ikrar pada majlis ikrar, baru-baru ini.



**JANJI...** mahasiswa menandatangani borang aku janji.